



SOALAN LAZIM (FAQ'S)
BERKAITAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN
KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN
BILANGAN 2

- 1. Adakah Mesyuarat Agung (AGM/EGM) yang dirancang boleh dilaksanakan di sesebuah skim strata sepanjang tempoh kuatkuasa Perintah Kawalan Pergerakan?**

Tidak. Segala mesyuarat hendaklah ditangguhkan.

- 2. Adakah komuniti strata bebas bergerak dalam kawasan skim strata semasa tempoh penularan Covid-19?**

Tidak, pergerakan perlu dihadkan dengan mengamalkan *social distancing* kecuali perkara kritikal seperti perubatan, kebersihan dan pembekalan makanan.

- 3. Adakah premis perniagaan, institusi pendidikan serta taska di skim strata boleh dibuka dan beroperasi seperti biasa semasa tempoh kuatkuasa Perintah Kawalan Pergerakan?**

Tidak, kesemua premis perniagaan, institusi pendidikan serta taska di skim strata hendaklah ditutup melainkan jika ia melibatkan perkhidmatan penting (*essential services*) yang dibenarkan.

- 4. Adakah pejabat pengurusan (Management Office) boleh dibuka semasa tempoh kuatkuasa Perintah Kawalan Pergerakan ini?**

Tidak. Urusan pejabat pengurusan hendaklah dilakukan secara dalam talian atau bekerja dari rumah.

- 5. Adakah Ejen Pengurusan/ Property Manager yang menguruskan skim strata dibenarkan beroperasi?**

Boleh. Operasi perlu minimal melibatkan *essential services* sahaja.

- 6. Adakah harta bersama seperti dewan, gym, badminton court, swimming pool boleh disewakan/ digunakan dalam tempoh ini?**

Tidak.

- 7. Adakah pengubahsuaian rumah (renovation) di skim strata dibenarkan dalam tempoh ini?**

Tidak.

- 8. Adakah operasi pengurusan kritikal sesebuah skim strata seperti air, elektrik, keselamatan, pembersihan, penyelenggaraan lif, sistem pam boleh diteruskan?**

Ya. Operasi yang dinyatakan boleh diteruskan.

- 9. Sekiranya berlaku kerosakan seperti kebocoran paip adakah penyelenggaraan boleh dilaksanakan?**

Tidak. Tindakan hanya boleh diambil bagi kerosakan yang kritikal dan menjejaskan keselamatan penduduk sahaja dalam tempoh ini.

**KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN
20 MAC 2020**